

JUMAAT | 2 OGOS 2024

KEGUSARAN TERHADAP
FINFLUENCER\$



RM

Kemunculan "finfluencer" di media sosial menjadikan nasihat kewangan lebih mudah diakses dan menarik, terutama untuk Gen Z. Bagaimanapun, kebimbangan terhadap kesalahan maklumat, penipuan serta penasihat yang tidak berlesen mendorong tindakan keras oleh pengawal selia di peringkat global, termasuk SC Malaysia. Orang ramai perlu lebih berwaspada, selain cakna terhadap peraturan pengawalseliaan, seiring dengan perkembangan trend finfluencing ini.

> **Tinjauan Mingguan MSWG AGM/EGM**
Muka 8

> **Pengumuman Khas**
Muka 11

Tatal, suka, labur? Menyelami dunia *finfluencer*

Dalam era yang menyaksikan manusia tidak lekang daripada telefon pintar dan platform media sosial sudah menjadi sebahagian daripada teman harian kita, agak mustahil untuk mencari seseorang yang masih belum terdedah kepada dunia digital. Daripada Instagram kepada TikTok, media sosial begitu mudah disepadukan ke dalam kehidupan kita, sekaligus membentuk cara kita berkomunikasi, menyerap maklumat serta mengurus kewangan peribadi. Trend revolusi digital ini turut menyaksikan kebangkitan "*finfluencer*" iaitu pempengaruh media sosial dengan pengkhususan dalam nasihat kewangan. Personaliti digital ini menjadikan pembelajaran tentang kewangan lebih menarik dan mudah diakses, terutamanya untuk pelabur runcit baharu. Bagaimanapun, seperti mana-mana trend, bidang ini tidak dapat lari daripada kelemahan, risiko dan cabaran.


Bayangkan anda sedang menatal suapan media sosial kegemaran anda dan terjumpa video pendek yang mencuri perhatian, yang menerangkan selok-belok pasaran saham atau pelaburan mata wang kripto dengan menggunakan meme dan metafora yang menarik. Cara persempahan yang seronok dan menarik perhatian ini menjadikan topik kewangan yang kompleks lebih mudah dihadam. Inilah keajaiban *finfluencer*. Mereka menerangkan jargon kewangan yang menggerunkan kepada kandungan pendek, ringkas dan menghiburkan yang boleh diterima oleh orang awam. Hal ini membuka mata dan menjadi gerbang untuk orang ramai supaya celik kewangan, terutama khalayak yang lebih muda.

Tinjauan yang dijalankan oleh CreditCards.com pada Mac 2021 mendedahkan bahawa Gen Z (mereka yang dilahirkan antara 1997 dan 2012) hampir lima kali lebih berkemungkinan mendapatkan nasihat kewangan daripada platform media sosial berbanding mereka yang berusia 41 tahun ke atas. Dapatan ini selaras dengan penemuan Institut Penyelidikan Pasaran Modal Malaysia (*Malaysian Institute of Capital Market Research*, ICMR), yang menyatakan bahawa 69% daripada Gen Z bergantung kepada internet atau sumber dalam talian seperti Facebook, Instagram dan blog.



1 Online channels are preferred source of information

ICMR



Sumber: Kebangkitan Pelabur Milenium dan Gen Z: Trend, Peluang dan Cabaran untuk Malaysia oleh Institut Penyelidikan Pasaran Modal (ICMR)

Trend ini mungkin berpunca daripada kurangnya pendidikan kewangan yang formal di peringkat sekolah serta perbualan berkaitan wang yang dianggap bersifat tabu dalam kebanyakan isi rumah. Media sosial mengisi kelompongan ini dengan gaya menarik dan tidak formal, sekaligus menjadikan perbincangan kewangan lebih mudah diakses dan kurang menakutkan.

Bagaimanapun, kemunculan para finfluencer ini juga datang bersama-sama cabaran dan risiko. Walaupun pempengaruh berupaya mendemokrasikan akses kepada pengetahuan kewangan, terdapat perbezaan yang ketara dalam kualiti nasihat yang diberikan. Tidak seperti penasihat kewangan tradisional yang terikat dengan peraturan dan kod etika, banyak pempengaruh kewangan ini beroperasi dalam suasana yang samar-samar, yang tiada garisan yang nyata antara hiburan dengan nasihat tulen. Ketiadaan peraturan yang jelas menimbulkan kebimbangan terdapat kesalahan maklumat, penipuan serta potensi mengeksplotasi pengikut oleh pempengaruh tersebut.

Penolakan tuntutan dan akauntabiliti undang-undang

Sesiapa sahaja yang pernah meluangkan masa menatal kandungan media sosial berkaitan kewangan pasti sudah biasa melihat penolakan tuntutan seperti "Ini bukan nasihat pelaburan" atau "Ini bukan panggilan untuk membeli atau menjual". Kenyataan ini bertujuan untuk melindungi finfluencer daripada liabiliti undang-undang. Namun, hanya dengan menambah penolakan tuntutan tidak bermakna mereka bebas daripada tanggung jawab di bawah undang-undang.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC Malaysia) amat berhati-hati dalam menangani pempengaruh yang semakin meningkat dalam bidang

kewangan. Menyedari potensi risikonya, SC Malaysia baru-baru ini mengemas kini Nota Garis Panduan mengenai Peruntukan Nasihat Pelaburan, yang menekankan bahawa nasihat pelaburan adalah dikawal selia di bawah undang-undang sekuriti Malaysia dan memerlukan pelesenan yang sewajarnya. Langkah ini bertujuan untuk melindungi integriti pasaran serta memastikan kesahihan maklumat yang disebarluaskan.

Salah satu penjelasan utama dalam garis panduan yang dikemas kini ialah perbezaan antara perkongsian maklumat secara umum dengan nasihat pelaburan sebenar. Perkongsian maklumat fakta tentang produk pelaburan, kandungan pendidikan atau pengalaman peribadi biasanya tidak memerlukan lesen. Bagaimanapun, jika finfluencer memberikan cadangan atau pendapat yang boleh mendorong orang ramai untuk mengambil tindakan tertentu seperti membeli, menjual atau memegang suatu produk kewangan, maka aktiviti itu boleh dianggap sebagai nasihat pelaburan dan memerlukan pelesenan yang sewajarnya.

Selain itu, SC Malaysia menekankan bahawa jika pempengaruh kewangan ini memperoleh manfaat kewangan daripada aktiviti mereka, seperti pendapatan daripada iklan, ganjaran rujukan (referral rewards) atau pemasaran gabungan (affiliate marketing), mereka boleh dianggap sebagai menjalankan perniagaan. Hal ini akan meletakkan mereka di bawah penelitian lanjut oleh pengawal selia. Penglibatan dalam aktiviti terkawal tanpa lesen boleh dikenakan penalti yang berat, termasuk denda sehingga RM10 juta, penjara sehingga sepuluh tahun, atau kedua-duanya, di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Capital Markets and Services Act, 2007).

Kesan *finfluencer* terhadap pelabur runcit

Pengaruh *finfluencer* terhadap pelabur runcit tidak boleh dipandang remeh. Pandemik COVID-19 menyaksikan lonjakan ketara dalam penyertaan runcit dalam pasaran kewangan. Di Malaysia, penyertaan runcit di Bursa Malaysia meningkat sebanyak 236% berbanding 2019, dengan peningkatan 167% dalam pembukaan akaun Sistem Depositori Pusat (*Central Depository System*, CDS) baharu. Ramai pelabur baharu yang terkurung di rumah mencari cara baharu untuk menjana pendapatan, lalu mereka beralih kepada media sosial untuk mendapatkan bimbingan kewangan.

Bagaimanapun, tidak semua panduan dicipta dengan cara yang sama. Segelintir ‘pakar’ pelaburan tidak berlesen mula menawarkan tip saham dan nasihat pelaburan menerusi pelbagai saluran, termasuk seminar dan kumpulan pesanan peribadi. Dalam kebanyakan kes, individu ini mengenakan yuran langganan untuk mengakses kandungan eksklusif, termasuk panggilan untuk belian, jualan dan meminimumkan kerugian (*cut-loss*) untuk saham tertentu. Perkara ini melanggar undang-undang sekuriti dan mendedahkan pelabur kepada risiko skim manipulasi pasaran, seperti “*pump and dump*”. Dalam skim ini, pempengaruh menggembarkan saham tertentu bagi menaikkan harganya, lalu menjual saham mereka untuk mendapatkan keuntungan. Akibatnya, pengikut mereka berputih mata dengan saham yang tidak bernilai.

SC Malaysia secara proaktif telah memerangi aktiviti haram ini. Antara 2020 dan 2023, SC Malaysia telah mengeluarkan 31 notis henti operasi (*cease and desist*), menyekat 29 laman sesawang serta menambah 53 nama ke dalam Senarai Peringatan Pelabur (*Investor Alert List*) SC. Pada tahun lepas, SC Malaysia membuat teguran dan mendenda tiga individu sebanyak RM808,516 kerana melanggar seksyen 58 CMSA 2007 kerana memberikan nasihat pelaburan berkaitan sekuriti tanpa memiliki Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (*Capital Markets Services Licence*, CMSL). Dalam satu lagi kes penting pada 2022, tiga individu telah ditegur dan didenda sebanyak RM9.07 juta atas kesalahan yang sama.

Tindakan ini mengetengahkan akibat daripada penglibatan dalam aktiviti nasihat kewangan yang tidak berlesen serta menekankan kepentingan pengawasan oleh pihak pengawal selia.

Tindakan keras terhadap *finfluencer* di peringkat global

Di peringkat global, badan pengawal selia turut memantau dengan teliti aktiviti para pempengaruh kewangan ini dengan mengenal pasti potensi risiko yang ditimbulkan mereka kepada pelabur. Di UK, *Financial Conduct Authority* (FCA) memainkan peranan proaktif dalam menangani cabaran ini. FCA mengambil tindakan tegas dengan mengenakan saman terhadap sembilan pempengaruh media sosial kerana mempromosikan skim perdagangan pertukaran asing tanpa kebenaran. Para pempengaruh ini, yang mempunyai gabungan pengikut Instagram seramai 4.5 juta, dituduh menjalankan skim pelaburan tanpa kebenaran serta mengeluarkan promosi kewangan tanpa kebenaran.

Kes penting ini menandakan julung kalinya FCA mendakwa pempengaruh kerana melanggar peraturan yang berkaitan promosi kewangan, sekaligus menekankan kepentingan rangka kerja pengawalseliaan yang bertujuan melindungi pelabur daripada nasihat yang mengelirukan serta berpotensi menyebabkan bahaya. Dalam usaha menangani isu ini, FCA juga merancang untuk melebarkan lagi garis panduan sedia ada bagi mengatasi lonjakan dalam iklan media sosial yang tidak mematuhi garis panduan, terutama yang menyasarkan khalayak yang lebih muda.

Sebagai tindak balas kepada cabaran yang sama, pengawal selia kewangan di Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat juga turut mencadangkan peraturan baharu untuk mengawal selia cara mempromosikan produk kewangan di platform media sosial. Pihak Berkuasa Sekuriti dan Pasaran Eropah (*European Securities and Markets Authority*, ESMA) telah memulakan tindakan penyeliaan umum bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat yang termaktub dalam MiFID II (*Markets in Financial Instruments Directive II*) yang berhubung komunikasi pemasaran, memfokuskan terhadap ketelusan serta melindungi pelabur baharu dan yang kurang berpengetahuan (*unsophisticated investors*).

Di Amerika Syarikat, *Securities and Exchange Commission* (SEC) telah mengambil tindakan tegas terhadap pempengaruh yang mempromosikan produk berisiko tinggi seperti aset kripto. Contohnya, kes Kim Kardashian yang didenda sebanyak AS\$1.26 juta kerana mempromosikan token EMAX tanpa pendedahan yang betul menyerlahkan komitmen

SEC untuk mengawal selia ruang ini. Peraturan pemasaran SEC yang dikemas kini serta garis panduan pengesahan *Federal Trade Commission* (FTC) mencerminkan usaha yang lebih meluas bagi mengurus trend pemasaran pempengaruh yang semakin meningkat, bagi memastikan pelabur dimaklumkan secukupnya apabila ia melibatkan risiko yang ketara.

Tindakan keras di peringkat global ini memberikan peringatan yang jelas tentang tanggungjawab yang berkaitan dengan perkongsian nasihat kewangan serta keperluan pengawasan kawal selia yang mantap.

Masa depan *finfluencing*: Seruan untuk berhemat dan berwaspada

Seiring dengan perkembangan industri *finfluencer*, begitu juga peningkatan keperluan untuk pengawasan dan akauntabiliti. Walaupun *finfluencer* boleh mendemokrasikan nasihat kewangan dan menjadikan topik yang kompleks lebih mudah diakses, mereka juga menimbulkan risiko yang ketara, terutama kepada pelabur yang tidak berpengalaman. SC Malaysia dan badan kawal selia lain di seluruh dunia semakin menumpukan terhadap ruangan ini, dengan tujuan mengimbangi inovasi dan perlindungan pelabur.

Orang ramai perlu memilih pendekatan terbaik apabila menatal aplikasi media sosial iaitu secara berhemah dan berwaspada. Kandungan media sosial perlu dilihat dengan pandangan yang kritis iaitu tidak menerima segala-galanya pada nilai muka. Individu perlu merujuk pelbagai sumber sebelum membuat sebarang keputusan kewangan, selain mendapatkan nasihat profesional serta menjalankan penyelidikan mereka sendiri.

Kemunculan *finfluencer* mewakili titik pertemuan yang menarik antara dunia kewangan dan media digital. Walaupun mereka menawarkan cara baharu dan mengasyikkan untuk belajar tentang kewangan, namun golongan *finfluencer* juga datang bersama-sama cabaran untuk pengawal selia dan orang ramai yang perlu dikemudi dengan berhati-hati. Memandangkan trend ini terus berkembang, amalkan sikap berhati-hati dan berwaspada apabila menjadikan kandungan berkaitan kewangan dalam talian ini sebagai rujukan. Jadi, apakah amalan kebiasaan? Usah terima bulat-bulat setiap perkara yang anda lihat di media sosial.

Rujukan

<https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-issues-guidance-for-finfluencers>

<https://www.ciro.ca/office-investor/avoiding-fraud-and-protecting-your-investments/finfluencers-investing>

<https://www.ft.com/content/0b2dec0f-992a-49ff-b8de-9f217b64d9c7>

Infografik Fin-Fluencing oleh Suruhanjaya Sekuriti

Sumber: <https://cutt.ly/SC-finfluencer>

ADAKAH ANDA SEORANG PEMPENGARUH KEWANGAN?



Ingin berkongsi peluang pelaburan di media sosial? TUNGGU SEBENTAR!

1 Adakah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mengawal selia aktiviti pengiklanan dan promosi produk dan perkhidmatan pasaran modal di Malaysia?



SC mengawal selia aktiviti pengiklanan dan promosi produk dan perkhidmatan pasaran modal (contohnya dana unit amanah, mata wang kripto, platform dagangan) kepada warga Malaysia.

2 Adakah aktiviti yang anda lakukan memerlukan kelulusan SC?



Sila teliti kandungan yang anda kongsikan kerana ianya mungkin merupakan suatu aktiviti yang memerlukan kelulusan daripada SC. Kegagalan mendapatkan kelulusan daripada SC merupakan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang dan anda boleh didenda sehingga RM10 juta atau dipenjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya.

3 Adakah syarikat yang mengeluarkan atau menyediakan produk atau perkhidmatan pasaran modal yang anda promosi telah diluluskan oleh SC?




Amat penting untuk anda menyemak sama ada syarikat tersebut telah diluluskan oleh SC. Sekiranya tidak, anda mungkin terlibat dalam membantu atau bersubahat dengan syarikat yang tidak diluluskan oleh SC atau yang melakukan penipuan, dan boleh menyebabkan anda dikenakan tindakan undang-undang.

4 Adakah kandungan yang dikongsikan jelas, adil dan seimbang?



Sila pastikan kandungan yang anda kongsikan jelas, adil dan seimbang kerana perkongsian kandungan yang palsu atau mengelirukan boleh menyebabkan anda dikenakan tindakan undang-undang.



Adakah anda sedar bahawa aktiviti menghantar, berkongsi atau mempromosikan maklumat berkaitan mata wang kripto mungkin memerlukan kelulusan SC?

Aktiviti menghantar, berkongsi atau mempromosikan maklumat berkaitan mata wang kripto mungkin memerlukan kelulusan SC jika anda memberikan nasihat pelaburan mengenai mata wang kripto.



Adakah anda mempromosikan platform dagangan yang menawarkan komisen menarik serta program afiliasi?

Mana-mana platform dagangan yang mempromosikan produk atau perkhidmatan pasaran modal yang disasarkan kepada warga Malaysia memerlukan kelulusan daripada SC. Sekiranya anda mempromosikan platform dagangan yang dioperasikan oleh penipu atau yang tidak diluluskan oleh SC, anda boleh dikenakan tindakan undang-undang bagi kesalahan membantu atau bersubhat dalam menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai semak bagi memastikan aktiviti promosi yang berhemah:



Tanya!

Adakah anda memberikan sebarang nasihat pelaburan?

Sila rujuk kepada [Nota Panduan Penyediaan Nasihat Pelaburan](#) yang dikeluarkan oleh SC.



Amaran!

Adakah anda telah menyemak syarikat yang menghubungi anda untuk melakukan aktiviti promosi?

Untuk menyemak sama ada individu atau syarikat tersebut diluluskan oleh SC, sila rujuk portal Semak Sebelum Labur SC - <https://www.sc.com.my/investment-checker>. Jika ada keraguan, hubungi SC di talian 03 6204 8999 atau e-mel di aduan@seccom.com.my.



Semak!

Adakah aktiviti menghantar, berkongsi atau mempromosikan maklumat yang anda lakukan mematuhi garis panduan pengiklanan yang dikeluarkan oleh SC?

Pastikan aktiviti menghantar, berkongsi atau mempromosikan maklumat yang anda lakukan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Pengiklanan bagi Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan.

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 5 hingga 9 Ogos 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
05.08.24 (Isnin) 10.00 pagi	Sime Darby Property Berhad (CCM)	Mesyuarat yang Diarahan oleh Mahkamah ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi Cadangan Penyusunan Semula Dalaman Kumpulan Sime Darby Property Berhad bagi menyelaraskan struktur perniagaannya kepada aliran perniagaan yang boleh dikenal pasti secara berasingan.
08.08.24 (Khamis) 10.00 pagi	ELK-Desa Resources Berhad (AGM)	ELK-Desa mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 8% pada tahun kewangan 2024 iaitu sebanyak RM167.78 juta berbanding RM155.24 juta pada tahun lepas, disebabkan sumbangan yang lebih tinggi daripada bahagian pembiayaan sewa beli Kumpulan. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai Syarikat menyusut 23% kepada RM49.04 juta daripada RM63.31 juta sebelum ini manakala untung bersih juga menyusut 23% kepada RM36.66 juta berbanding RM47.74 juta setahun yang lalu. Hal ini disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada bahagian perabot dan bahagian pembiayaan sewa beli.

Perkara penting:

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
ELK-Desa Resources Berhad (AGM)	<p>1. ELK-Desa merekodkan elau rosot nilai yang jauh lebih tinggi pada tahun kewangan 2024, berjumlah RM29.79 juta berbanding RM8.045 juta pada tahun sebelumnya (Halaman 139, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Pada masa yang sama, syarikat merekodkan caj kerugian kredit yang lebih tinggi sebanyak 4.1% berbanding 1.2% pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Elaun rosot nilai dan caj kerugian kredit yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh kerugian yang lebih tinggi yang ditanggung daripada jualan kenderaan di bawah pemilikan semula/ ditarik balik berbanding dengan kutipan yang sangat baik pada separuh pertama tahun kewangan 2023 (Halaman 13, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Rosot nilai untuk penghutang sewa beli diiktiraf berdasarkan pendekatan umum dalam MFRS 9 dengan menggunakan model jangkaan kerugian kredit (<i>expected credit loss, ECL</i>) yang berpandangan ke hadapan (Halaman 117, Nota 8(e), Laporan Tahunan 2024). Pendekatan ECL menghasilkan pengiktirafan awal kerugian kredit kerana ia merangkumkan kedua-dua kerugian yang ditanggung dan kerugian kredit masa hadapan yang dijangkakan.</p> <p>Bagaimanakah Kumpulan boleh mengalami kerugian yang lebih tinggi daripada penjualan kenderaan di bawah pemilikan semula/ ditarik balik, sedangkan ECL daripada pelanggan yang berisiko tinggi sepatutnya sudah “dimasukkan terlebih dahulu” apabila membuat peruntukan elau rosot nilai iaitu sebaik sahaja melihat tandanya kemungkinan pembayaran dalam kalangan peminjam?</p> <p>b) Sejauh manakah perbezaan nilai pemulihan sebenar berbanding anggaran pengurusan untuk kenderaan di bawah pemilikan semula/ ditarik balik?</p> <p>2. Segmen Perabot mengalami kemerosotan margin yang ketara pada tahun kewangan 2024, dengan margin</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p>keuntungan sebelum cukai menyusut hampir separuh kepada 5.5% daripada 10.08% sebelum ini, disebabkan oleh pembelian barang import yang lebih tinggi berikutan ringgit yang lemah serta persaingan yang sengit. Keuntungan sebelum cukai segmen merosot sebanyak 46% kepada RM3 juta daripada RM5.49 juta sebelum ini, walaupun pendapatan segmen kekal stabil pada RM54.55 juta berbanding RM54.48 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Mengapakah bahagian Perabot tidak berjaya mencapai pertumbuhan pendapatan yang ketara pada tahun kewangan 2024? b) Sejauh manakah perbezaan struktur kos input pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun kewangan 2023? Bahan input manakah yang lebih mahal untuk diimport berbanding sebelum ini? c) Adakah Kumpulan dapat menyalurkan kesan kenaikan kos input yang berpunca daripada kelemahan pertukaran mata wang asing ini kepada pelanggan? Jika ya, berapakah purata kuantum kenaikan harga? d) Adakah Kumpulan menjangkakan struktur kos yang tinggi ini akan berterusan sehingga tahun kewangan 2025? Adakah pemegang saham dapat menjangkakan pemulihan dalam margin keuntungan pada tahun kewangan 2025? e) Apakah langkah yang diambil untuk mengekalkan margin keuntungan? Adakah inisiatif kawalan kos yang proaktif diperlukan untuk meningkatkan keuntungan?



UNDERSTANDING MPHB PRIVATISATION

MPHB Capital Berhad (MPHB) has recently announced a proposed selective capital reduction and repayment exercise (Proposed SCR), offering RM1.70 per share for the privatisation of the company by its major shareholder.

In response to numerous concerns and requests from minority shareholders, the Minority Shareholders Watch Group (MSWG) will organise a forum to provide a comprehensive overview and clarification of the Proposed SCR and the upcoming independent advice letter.

The date and venue of the forum will be announced soon.

Please stay tuned for our updates.



CLIMATE GOVERNANCE MALAYSIA

NATIONAL CLIMATE GOVERNANCE SUMMIT 2024

More than 80 speakers, 13 workshops and 7 masterclasses. Free and open to the public.

TUESDAY 10 SEPT - THURSDAY 12 SEPT 2024 | HYBRID EVENT | [REGISTER HERE](#)



ORGANISED BY



SEPTEMBER 2024

NACGS.I

NATIONAL CORPORATE GOVERNANCE &
SUSTAINABILITY AWARDS 2024

DISCLOSURE OF INTERESTS

With regard to the companies mentioned, MSWG holds a minimum number of shares in all the companies covered in this newsletter.

DISCLAIMER

This newsletter and the contents thereof and all rights relating thereto including all copyright is owned by the Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, also known as the Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

The contents and the opinions expressed in this newsletter are based on information in the public domain and are intended to provide the user with general information and for reference only. Best efforts have been made to ensure that the information contained in this newsletter is accurate and current as at the date of publication. However, MSWG makes no express or implied warranty as to the accuracy or completeness of any such information and opinions contained in this newsletter. No information in this newsletter is intended to be or should be construed as a recommendation to buy or sell or an invitation to subscribe for any, of the subject securities, related investments or other financial instruments thereof.

MSWG must be acknowledged for any part of this newsletter which is reproduced.

MSWG bears no responsibility or liability for any reliance on any information or comments appearing herein or for reproduction of the same by third parties. All readers or investors are advised to obtain legal or other professional advice before taking any action based on this newsletter.